


Tidak letak tanda harga, KPDNHEP naik kadar kompaun kepada peniaga

April 25, 2020 Ditulis oleh Media Baru



KUALA LUMPUR, 25 April - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah menaikkan kadar kompaun minimum RM1,000 kepada peniaga perseorangan dan RM2,000 kepada syarikat yang gagal meletakkan tanda harga barang.

Pengarah Bahagian Penguat Kuasa, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata tindakan lebih tegas itu dibuat demi melindungi pengguna daripada peniaga yang sengaja menaikkan harga barang untuk mengaut keuntungan lebih terutama dalam tempoh PKP.

"Apabila kita wajibkan semua peniaga letakkan tanda harga, kita tahu berapa harga barang yang dijual.

"Seandainya ada peniaga yang mengambil kesempatan menaikan harga untung tinggi dan tidak munasabah," jelasnya.

Tambahnya pihak kementerian akan menambah bilangan premis yang akan di periksa di seluruh negara apabila PKP memasuki Tahap ke-4 Rabu ini.

Beliau menyatakan demikian selepas melakukan pemantauan harga barang di ibu negara.

<http://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/17742-tidak-letak-tanda-harga-kpdnhep-naik-kadar-kompaun-kepada-peniaga>